SAMPEL PERCUMA

Soalan Sejarah Tingkatan 5 Bab 2 Perlembagaan Persekutuan + Jawapan

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

5 Pernyataan di bawah berkaitan dengan penubuhan Majlis di Sabah.

ms: 24

X memberikan kuasa kepada Gabenor untuk membuat undang-undang

.

Apakah X?

A Majlis Negeri

B Majlis Kerja

C Majlis Tertinggi

D Majlis Undangan

6 Gambar menunjukkan bangunan parlimen di Malaysia.

ms: 25



Apakah peranan parlimen dalam pentadbiran negara?

A Membentuk undang-undang negara

B Memilih Perdana Menteri

C Melantik Yang di-Pertuan Agong

D Mengekalkan kedaulatan negara

7 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 disesuaikan dengan Model Westminster.

ms: 27

Apakah ciri model tersebut?

A Diambil dari Britain

B Digubal oleh Jemaah Menteri

C Undang-undang lisan dan bertulis

D Perlembagaan Suruhanjaya Reid

8 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda pada tahun 1963 dan 1965. Apakah rasional pindaan tersebut?

ms: KBAT

A Atas permintaan parti politik

B Desakan daripada negara luar

C Perubahan politik dalam negara

D Mengekalkan keluhuran perlembagaan

10 Maklumat berikut berkaitan perubahan kedudukan di Sarawak dan Sabah pada tahun 1963.

ms: 30-31

- Pembentukan mahkamah Tinggi
- X

Apakah perubahan X tersebut?

A Jawatan Yang di-Pertua Negeri

B Pemansuhan kuasa imigresen

C Penggunaan Bahasa Melayu

D Pembentukan Mahkamah Atasan

BAB 2	JAWAPAN
1	D
2	B
3	D
4	C
5	D
6	A
7	A
8	C
9	.
10	A

BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN A (STRUKTUR)

2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan

1. Petikan berikut merujuk maksud perlembagaan.

MUKA SURAT 22

> Perlembagaan Persekutuan merupakan dokumen undang-undang bertulis yang menjadi teras pada sistem pemerintahan negara. Perlembagaan digubal berasaskan undang-undang negeri Melayu yang sedia ada dan juga tambahan unsur baharu.
>
> *Sumber : Buku Teks KSSM Sejarah Tingkatan 5, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (2020) ms.20*

(a) Terangkan latar belakang sejarah Perlembagaan Persekutuan.

_____

_____

_____

[3 markah]

(b) Jelaskan tentang undang-undang Negeri Melayu.

_____

_____

_____

[3 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah kesan jika sesebuah negara tidak mempunyai perlembagaan yang sistematik? ***KBAT***

_____

_____

_____

_____

[4 markah]

2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

2 Perlembagaan Persekutuan mempunyai ciri tradisional dan moden yang dapat menjadikan negara kita stabil dan maju.

MUKA SURAT 28 - 29

(a) Terangkan ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

[6 markah]

(b) Kewarganegaraan Persekutuan telah diperkenalkan pada tahun 1948 dan pilihan raya umum telah diadakan pada tahun 1955.

Jelaskan ciri-ciri moden yang terdapat dalam pernyataan tersebut.

[6 markah]

(c) Penerapan ciri tradisional dan moden dalam Perlembagaan Persekutuan menjadikan perlembagaan negara kita unik dan mantap.

Buktikan pernyataan tersebut. ***KBAT***

[8 markah]

2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

3 Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi dan panduan dalam sistem pemerintahan negara.

MUKA SURAT 27 - 30

(a) Jelaskan perkara yang menjadi terma rujukan dalam penggubalan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

[4 markah]

(b) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda apabila Malaysia dibentuk pada tahun 1963. Huraikan perkara utama dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963.

[8 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah tujuan pindaan di buat pada Perlembagaan Persekutuan?

Jelaskan kesan sekiranya pindaan tersebut tidak dilaksanakan. ***KBAT***

[8 markah]

SKEMA

BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN A (STRUKTUR)

Soalan		Cadangan	Markah
1 (a)		**Terangkan latar belakang sejarah Perlembagaan Persekutuan.**	
	F1	Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan negara.	1
	F2	Sebelum kedatangan British, negara diperintah berdasarkan pemerintahan beraja.	1
	F3	Raja memerintah berdasarkan undang-undang dan peraturan yang digubal.	1
	F4	Pada zaman British, raja diterima sebagai pemerintah berdaulat.	1
	F5	Setelah merdeka, kita mempunyai perlembagaan yang menjadi unsur penting dalam sesebuah negara.	1
	F6	Perlembagaan Persekutuan juga berasaskan nilai tradisi Kesultanan Melayu dan kemudiannya	1
	F7	Beberapa prinsip undang-undang Inggeris disesuaikan dengan nilai tempatan.	1
			[3 m]
(b)		**Jelaskan tentang undang-undang Negeri Melayu.**	
	F1	Raja sebagai pemerintah dan rakyat memberikan taat setia.	1
	F2	Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja.	1
	F3	Undang-undang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu yang lain.	1
	F4	Contohnya, Undang-undang Pahang dan Undang-undang Kedah serta Undang-undang Johor dan yang terakhir Undang-undang 99 Perak.	1
			[3 m]
(c)		**Pada pendapat anda, apakah kesan jika sesebuah negara tidak mempunyai perlembagaan yang sistematik?**	
	F1	Pada pendapat saya, kesannya ialah pentadbiran kerajaan akan menjadi kucar-kacir.	1

	F2	Selain itu, perkara ini akan menjejaskan kestabilan politik negara.	1
	F3	Suasana dalam negara juga akan menjadi huru-hara.	1
	F4	Hal ini mengakibatkan dasar-dasar kerajaan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.	1
	F5	Akhirnya, ekonomi negara akan terjejas kerana kekurangan pelabur. Bahkan, kedaulatan negara turut terancam sekaligus menyebabkan negara mudah dicerobohi pihak luar	1
	M	Mana-mana munasabah	1 [4 m]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar